

**HUBUNGAN ANTARA PENDEKATAN PENGAJARAN PENSYARAH  
TERHADAP PENDEKATAN PEMBELAJARAN SERTA KESAN EFIKASI  
KENDIRI SEBAGAI FAKTOR MODERATOR DALAM KALANGAN  
PELAJAR PASCASISWAZAH DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**NURABIDAH BINTI MOHD AHYAN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

HUBUNGAN ANTARA PENDEKATAN PENGAJARAN PENSYARAH  
TERHADAP PENDEKATAN PEMBELAJARAN SERTA KESAN EFIKASI  
KENDIRI SEBAGAI FAKTOR MODERATOR DALAM KALANGAN PELAJAR  
PASCASISWAZAH DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM).

NURABIDAH BINTI MOHD AHYAN

Laporan Disertasi ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Penganugerahan Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia

Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia  
Universiti Teknologi Malaysia

MAY 2014

## **DEDIKASI**

DEDIKASI ini ku nukilkan khas buat insan-insan yang banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang aku bergelumbang dalam dunia penghasilan disertasi ini.

Buat abah (Mohd Ahyan) dan emak (Jawiyah);

Kasih sayang serta kepercayaan yang diberikan selama ini tidak mampu ku balas dengan wang ringgit mahupun keringat. Cuma ku usahakan sedikit kudrat untuk menghasilkan disertasi ini agar segulung Ijazah Sarjana ini dapat memberi makna bererti buatmu abah dan emak. Aku juga mengharap doa daripada abah dan emak agar aku berjaya dengan cemerlang di dunia dan akhirat. AMIN.

Buat teman seperjuangan (Nad, Fara, dan warga MHR);

Suka duka yang kita harungi dalam menyempurnakan sebuah janji untuk peroleh Ijazah Sarjana ini adalah memori yang tidak dapat dilupakan. Kenangan ini adalah satu ingatan yang berpanjangan.

Buat Penyelia Disertasi (Dr. Roziana binti Shaari);

Semoga segala ilmu yang dicurahkan dapat ku manfaatkan agar ia menjadi pelaburan yang tidak ternilai di dunia ini dan dunia mendatang. In shaa Allah. AMIN.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan berkat kesabaran yang tinggi, dapat jua saya menyempurnakan laporan lengkap disertasi Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia dengan tajuk “Hubungan Antara Pendekatan Pengajaran Pensyarah Terhadap Pendekatan Pembelajaran Serta Kesan Efikasi Kendiri Sebagai Faktor Moderator Dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)” dengan jayanya.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa, adik beradik juga sahabat saya kerana telah banyak memberi sokongan moral dan semangat kepada saya dalam menyiapkan tugas ini. Mereka adalah tunjang kejayaan saya hari ini.

Terima kasih yang tidak terhingga beserta kalungan penghargaan kepada penyelia saya (Dr. Roziana binti Shaari) dan penilai saya (Dr. Muhammad Fauzi bin Othman dan Dr. Mastura binti Mahfar) kerana sudi meluangkan masa, ilmu dan tenaga dalam membantu saya dalam menyiapkan laporan disertasi ini. Jasa dan pengorbanan kalian adalah amat dihargai.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof.Madya Mohammad Nor bin Othman kerana sudi membantu dalam penghasilan kajian ini. Tidak lupa juga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menyumbangkan maklumat bagi melengkapkan kajian ini. Akhir kata, jutaan kemaafan dipinta kepada semua pihak andai ada tersalah kata dan terkhilaf tingkah laku sepanjang tempoh ini. Sekian. Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara pendekatan pengajaran pensyarah terhadap pendekatan pembelajaran serta kesan efikasi sendiri sebagai faktor moderator dalam kalangan pelajar pascasiswazah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Berdasarkan kajian literatur, tiga faktor pendekatan pembelajaran telah dikenalpasti iaitu pendekatan mendalam, pendekatan luaran tidak teratur dan pendekatan luaran rasional. Manakala dua pendekatan pengajaran yang dikaji iaitu pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan berpusatkan pengajar. Efikasi sendiri digunakan sebagai pembolehubah pengantara. Seramai 331 responden pelajar pascasiswazah dan 175 responden pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai telah memberi maklumbalas bagi kajian ini. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik, sebelum dianalisis menggunakan statistik deskriptif, univariat dan multivariat untuk menjawab objektif kajian dan melihat hubungan antara kedua-dua pembolehubah. Dapatan kajian membuktikan bahawa pensyarah UTM mengamalkan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Manakala penggunaan pendekatan pembelajaran mendalam yang dikatakan ideal pada peringkat pengajian tinggi berada pada tahap yang sederhana dalam kalangan pelajar pascasiswazah di UTM. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara semua faktor pendekatan pengajaran dan pendekatan pembelajaran. Efikasi sendiri memberi kesan sebanyak 17.6% kepada hubungan antara faktor pendekatan pengajaran dan penggunaan pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar pascasiswazah. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan kepada pengkaji masa hadapan untuk menambahbaik kajian ini pada masa akan datang.

## ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between teaching approaches towards learning approaches and the impact of self-efficacy as a mediator among the postgraduate students' in Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Based on the literature reviews, three factors of learning approaches were identified, namely deep approach, surface-rationale and surface-disorganized. While the two factors of teaching approaches which are student-centered and teacher-centered. Self-efficacy has been used as mediating variable. A total of 331 respondents of postgraduate students' and 175 of lectures from Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai gave feedback for this study. Data was collected using questionnaires, and then analyzed using descriptive, univariate and multivariate statistics to answer the research objectives and the relationship between the variables. The findings make it clear that students-centered approach had used most among lecturers. Meanwhile, the deep approach was used among postgraduate students' in UTM. Moreover, the results also showed that there was a moderate relationship between all the factors of learning approaches and teaching approaches. Further, demonstrated hierarchical regression model also showed that the self-efficacy had impacted the relationship between the teacher approaches and the learning approaches by 17.6%. Several suggestions also were offered to future researchers to improve this research in the future.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN PENULIS</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>.xv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Latar Belakang Tempat Kajian	9
	1.3 Penyataan Masalah	11
	1.4 Persoalan Kajian	17
	1.5 Objektif Kajian	18
	1.6 Hipotesis Kajian	18
	1.7 Skop Kajian	19

1.8	Kepentingan Kajian	19
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Konseptual	23
1.11	Definisi Operasional	28
1.12	Kesimpulan	31
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>32</b>
2.1	Pengenalan	32
2.2	Pendekatan dan Konsep Pengajaran	32
2.2.1	Pengajaran berpusatkan Pengajar	35
2.2.2	Pengajaran berpusatkan Pelajar	38
2.2.3	Teori Konstruktivisme	43
2.2.4	Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM)	46
2.2.5	Model Kerjasama Pengajaran Pembelajaran	49
2.2.6	Dimensi Pendekatan Pengajaran	52
2.2.6.1	Aktiviti Berpusatkan Pelajar	53
2.2.6.2	Pengajaran Persendirian	54
2.2.6.3	Kaitan pada Pengalaman	55
2.2.6.4	Menilai Keperluan Pelajar	55
2.2.6.5	Iklim Pembangunan	56
2.2.6.6	Penyertaan dalam proses Pembelajaran	56
2.2.6.7	Fleksibiliti untuk Pembangunan Kendiri	57
2.3	Pengertian dan Konsep Pembelajaran	58
2.3.1	Pendekatan secara Mendalam	61
2.3.2	Pendekatan secara Luaran	65
2.3.3	Teori Pendekatan Pembelajaran	66
2.3.4	Model Pembangunan Orang Dewasa	69
2.3.5	Model Karakter Orang Dewasa sebagai Pelajar (CAL Model)	70
2.3.6	Model Pembelajaran 3P Biggs	72



2.4	Pendekatan Pengajaran dan Pendekatan Pembelajaran	73
2.5	Efikasi Kendiri	79
2.6	Pembangunan Hipotesis Kajian	83
2.7	Kerangka Kajian	91
2.8	Rujukan Kajian	92
2.9	Kesimpulan	93
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>94</b>
3.1	Pengenalan	94
3.2	Carta Aliran Proses Kajian	95
3.3	Reka Bentuk Kajian	96
3.4	Populasi	97
3.5	Persampelan	99
	3.5.1 Teknik Persampelan	.99
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	101
3.7	Instrumen Kajian	102
	3.7.1 Bahagian A: Maklumat Demografi	103
	3.7.2 Bahagian B: Efikasi Kendiri	103
	3.7.3 Bahagian C: Pendekatan Pembelajaran	103
	3.7.4 Bahagian D: Pendekatan Pengajaran	104
3.8	Kajian Rintis	106
	3.8.1 Analisis Kebolehpercayaan	107
3.9	Kaedah Penganalisan Data	107
	3.9.1 Analisis Statistik Deskriptif	110
	3.9.2 Ujian Analisis Regresi	112
	3.9.3 Analisis Regresi Berperingkat	.113
3.10	Kesimpulan	.114

<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>115</b>
4.1	Pengenalan	115
4.2	Demografi Responden	116
	a) Responden Pensyarah	116
	b) Responden Pelajar Pascasiswazah	118
4.3	Analisis Data Objektif 1	119
	4.3.1 Pendekatan Pengajaran-Aktiviti Berpusatkan Pelajar	121
	4.3.2 Pendekatan Pengajaran-Pengajaran Persendirian	122
	4.3.3 Pendekatan Pengajaran-Kaitan Pada Pengalaman	123
	4.3.4 Pendekatan Pengajaran-Menilai Keperluan Pelajar	124
	4.3.5 Pendekatan Pengajaran-Iklm Pembangunan	125
	4.3.6 Pendekatan Pengajaran-Penglibatan dalam proses pembelajaran	125
	4.3.7 Pendekatan Pengajaran-Fleksibiliti dalam pembangunan sendiri	126
4.4	Analisis Data Objektif 2	128
	4.4.1 Efikasi Kendiri	129
	4.4.2 Tahap Pendekatan Pembelajaran Mendalam	130
	4.4.3 Tahap Pendekatan Pembelajaran Luaran Tidak Teratur	132
	4.4.4 Tahap Pendekatan Pembelajaran Luaran Rasional	133
4.5	Analisis Data Objektif 3 – Analisis Perbandingan 2 Min	136
4.6	Analisis Data Objektif 3 – Analisis Regresi Linear Mudah	139
4.7	Analisis Data Objektif 4 – Analisis Regresi Berperingkat	145
4.8	Kesimpulan	147
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>149</b>
5.1	Pendahuluan	149
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	149
	5.2.1 Perbincangan Taburan Demografi Responden	150

5.2.2	Pencapaian Objektif Pertama	152
5.2.3	Pencapaian Objektif Kedua	155
5.2.4	Pencapaian Objektif Ketiga	158
5.2.5	Pencapaian Objektif Keempat	161
5.3	Batasan Kajian	162
5.4	Implikasi Kajian	163
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	165
5.5.1	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	165
5.5.2	Cadangan Kepada Organisasi	167
5.6	Kesimpulan	168
<b>BIBLIOGRAFI</b>		170
<b>LAMPIRAN</b>		194

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Populasi Pelajar Pascasiswazah UTM	98
3.2	Populasi Pensyarah UTM	98
3.3	Sampel Kajian	100
3.4	Item / elemen bagi soalan <i>reversed</i>	106
3.5	Penjelasan Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>	107
3.6	Skor Kenyataan Skala Likert Borang Soal Selidik Pensyarah	108
3.7	Penjelasan Nilai Komposit Skor APALS	108
3.8	Skor Kenyataan Skala Likert Borang Soal Selidik Pelajar	100
3.9	Teknik Analisis Data	110
3.10	Tahap Skor Min	111
3.11	Teknik Analisis Data Pendekatan Pembelajaran	112
4.1	Profil Demografi Responden Pensyarah	117
4.2	Profil Demografi Responden Pelajar Pascasiswazah	119
4.3	Taburan Kekekapan Skor APALS	120
4.4	Ringkasan Analisis Deskriptif Aspek Aktiviti Berpusatkan Pelajar	122
4.5	Ringkasan Analisis Deskriptif Aspek Pengajaran Persendirian	123
4.6	Ringkasan Analisis Deskriptif Faktor Kaitan Pada Pengalaman	124
4.7	Ringkasan Analisis Deskriptif Faktor Menilai keperluan pelajar	124
4.8	Ringkasan Analisis Deskriptif Faktor Iklim pembangunan	125
4.9	Ringkasan Analisis Deskriptif Faktor penglibatan dalam proses pembelajaran	126
4.10	Ringkasan Analisis Deskriptif aspek Fleksibiliti untuk pembangunan sendiri	127

4.11	Ringkasan Analisis Deskriptif Pendekatan Pengajaran Pensyarah	128
4.12	Ringkasan Analisis Deskriptif Efikasi Kendiri	130
4.13	Ringkasan Analisis Deskriptif Pendekatan Pembelajaran Mendalam	131
4.14	Taburan Kekekapan dan Peratusan Pendekatan Luaran Tidak Teratur	133
4.15	Taburan Kekekapan dan Peratusan Pendekatan Pembelajaran Luaran Rasional	134
4.16	Ringkasan Analisis Deskriptif Pendekatan Pembelajaran Pelajar	135
4.17	Korelasi Pearson Product-Moment antara Pendekatan Pengajaran dan Pendekatan Pembelajaran	140
4.18	Anggaran Model Koefisien (Mendalam)	142
4.19	Anggaran Model Koefisien (Luaran Tidak Teratur)	143
4.20	Anggaran Model Koefisien (Luaran Rasional)	145
4.21	Ringkasan Model Analisis Regresi Berperingkat	146
4.22	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	148

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Perbandingan antara proses pengajaran berpusatkan pengajar dan pelajar dalam bentuk kontinum	40
2.2	Carta Alir Proses Konstruktivisme	44
2.3	Pembelajaran Pelajar dalam Konteks	68
2.4	Model Pembelajaran 3P Biggs	72
2.7	Kerangka Kajian	91
3.1	Carta Aliran Proses Kajian	95
4.1	Normal P-Plot Residual Regresi Piawai (Mendalam)	141
4.2	Normal P-Plot Residual Regresi Piawai (Luaran Tidak Teratur)	143
4.3	Normal P-Plot Residual Regresi Piawai (Luaran Rasional)	144

## SENARAI SINGKATAN

<i>et al.</i>	<i>et alii</i> (perkataan Latin)
<b>SPSS</b>	<i>Statistical Package for Science Social</i>
<b>UTM</b>	Universiti Teknologi Malaysia
<b>KPT</b>	Kementerian Pengajian Tinggi
<b>IPT</b>	Institusi Pengajian Tinggi
<b>UPM</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>UiTM</b>	Universiti Teknologi MARA
<b>USM</b>	Universiti Sains Malaysia
<b>UM</b>	Universiti Malaya
<b>PBL</b>	<i>Problem Based Learning</i>
<b>PBM</b>	Pembelajaran Berasaskan Masalah
<b>PALS</b>	<i>Principles of Adult Learning Scale</i>
<b>APALS</b>	<i>Adapted Principles of Adult Learning Scale</i>
<b>CAL's</b>	<i>Characteristic of Adult Learners</i>
<b>FAB</b>	Fakulti Alam Bina
<b>FSKSM</b>	Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat
<b>FKM</b>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
<b>FKE</b>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
<b>FPPSM</b>	Fakulti Pengurusan dan Pengajian Sumber Manusia
<b>FP</b>	Fakulti Pendidikan
<b>AWQ</b>	<i>Approaches to Work Questions</i>
<b>ASI</b>	<i>Approaches to Studying Inventory</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Lampiran	Borang Soal Selidik	194



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pendidikan di Malaysia telah banyak berubah dan matang semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan. Perubahan seperti ini boleh dianggap selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Demi mengecapi kejayaan dalam setiap lapangan kehidupan, setiap individu perlu memperkasakan intelektual dan membina jati diri dengan modal insan dan seterusnya memberikan sumbangan terhadap kemajuan negara. Oleh itu, pembelajaran dewasa sepanjang hayat sentiasa memainkan peranan yang amat penting. Bagi institusi pengajian tinggi, tanggungjawabnya adalah untuk melahirkan graduan yang profesional, kompeten, serba boleh, berpengetahuan, berkemahiran dan berakhlak. Maka, belajar merupakan satu proses yang penting untuk menimba ilmu pengetahuan dalam meningkatkan tahap akademik dan mengasah bakat serta potensi yang ada pada diri pelajar untuk kecemerlangan kerjaya mereka di masa depan untuk menempuh alam pekerjaan.

Dunia moden yang serba mencabar kini, bidang pendidikan amat penting kepada masyarakat. Setiap individu dewasa mahupun segenap kelompok manusia mempunyai keinginan untuk belajar mengikut tujuan masing-masing seperti minat, kemahiran tersendiri, mencari kepuasan hidup, memperolehi sumber kewangan, membina personaliti serta memberi sumbangan kepada agama dan bangsa (Zakaria, 2007). Setiap individu perlu menanamkan sikap cintakan kecemerlangan dan kejayaan. Selaras dengan matlamat negara untuk melahirkan warganegara yang berketrampilan sebagaimana yang dikehendaki menuju ke arah Wawasan 2020

(Mahathir, 1991; Ramlee Mustapha, 2000; Kek, Darmawan & Chen, 2007), sistem pengajian tinggi di Malaysia tidak lagi dinilai atau diperhatikan oleh masyarakat tempatan, tetapi turut terdedah kepada warga global (Nordin, 2012). Hal ini mendorong universiti-universiti di Malaysia melebarkan hala tuju ke arah universiti berpenyelidikan dalam mencapai status bertaraf antarabangsa (Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT), 2011). Oleh itu, kewujudan kepesatan ekonomi dan pembangunan sosialisasi telah menggalakkan pembangunan individu melalui pembelajaran berterusan bagi meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan melalui pendidikan dewasa. Hal ini disokong oleh Mohd Azhar (2004) iaitu perubahan yang berterusan memerlukan pembelajaran yang berterusan.

Di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, pendidikan dewasa adalah keperluan sosial yang jelas seiring dengan pembentukan demokrasi dan revolusi perindustrian. Pendidikan dewasa kali pertama muncul di negara-negara Eropah adalah di England pada awal abad kesembilan belas. Manakala pendidikan dewasa hanya mula tumbuh di Amerika Syarikat pada penghujung abad kesembilan belas iaitu sebagai pendidikan tambahan bagi orang dewasa seperti universiti, perpustakaan awam dan muzium (Gesner, 2000).

Satu rumusan mengenai tujuan umum dan tujuan khusus bagi pendidikan dewasa yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam membantu negara-negara yang sedang membangun untuk memajukan rakyat mereka dari segi pengetahuan melalui pendidikan berterusan. Hal ini di mana terdapat pelbagai tujuan pendidikan dewasa di beberapa buah negara yang dikemukakan seperti Australia yang menekankan pada usaha-usaha pengasimilasi para pendatang dengan para penduduk yang telah bermastautin di Australia. Manakala, di Sweden pula menyatakan tujuan pendidikan dewasa kepada pendemokrasian dan menciptakan norma-norma kehidupan masyarakat yang lebih baik (Zakaria, 2007). Tujuan pendidikan dewasa ini juga terdapat di India di mana masyarakat India menganggap dengan adanya pendidikan dewasa dapat membentuk pembentukan moral, penambahbaikan pengetahuan, meningkatkan efisiensi dalam bekerja dan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat (Cross et al., 2001).

Di samping itu, menurut Mohd Azhar (2004), beliau menyatakan bahawa pendidikan dewasa sebagai tanda penggerak dalam mengubah masyarakat ke arah lebih bermakna dan ianya merupakan pembelajaran sepanjang hayat di mana ianya idea sejarah ketamadunan tetapi merupakan gerakan sosial yang tersusun dalam kehidupan baru masyarakat Amerika pada ketika itu. Oleh itu, pendidikan seumur hidup adalah warisan dalam sejarah budaya nenek moyang dan terancang dalam kehidupan masyarakat Amerika dan Eropah. Justeru, pembinaan pembangunan manusia akan terjadi kalau diberi perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap pendidikan dewasa sebab proses pembelajaran ini harus diperkembangkan dengan cepat seiring dengan pembangunan negara.

Perbincangan mengenai pendidikan kanak-kanak atau remaja di sekolah sudah sering diperkatakan dengan pelbagai perspektif, namun untuk melihat daripada sudut pendidikan dewasa bagi golongan dewasa tidak begitu meluas lagi. Dalam usaha untuk memberikan pendidikan kepada pelajar dewasa, ianya perlu di perlakukan dengan pelbagai kaedah pendekatan dan strategi kerana seorang dewasa tidak boleh diperlakukan seperti kanak-kanak biasa seperti di dalam pembelajaran pedagogi (Aziz, 2002). Oleh itu, adalah perlu di fahami bahawa orang dewasa dilahirkan sebagai peribadi yang memiliki kematangan konsep bergerak secara sendiri daripada pergantungan terhadap orang lain, pengalaman dan penyelesaian melalui pembelajaran dewasa atau pendidikan dewasa (Knowles, 1990).

Penglase (2004) menjelaskan pada tahap pendidikan yang lebih tinggi, penilaian yang berterusan adalah penting dalam mengekalkan kualiti pembelajaran pelajar. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa prestasi akademik pelajar di peringkat universiti berkait rapat dengan pendekatan pembelajaran mereka (Diseth et al., 2006; Duff et al., 2004; Spicer, 2004; Lu et al., 2003). Dalam proses meningkatkan pencapaian akademik, proses pembelajaran adalah peringkat utama. Walaupun secara lahiriahnya pelajar mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama tetapi pencapaian akademik mereka adalah berbeza. Percanggahan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kebolehan pembelajaran seseorang pelajar. Memahami pendekatan pembelajaran pelajar dapat membantu pensyarah ke arah menghasilkan pengajaran berkesan. Kajian tentang kaitan antara

pelajar dan tugas pembelajaran yang diberikan (Marton, 1975; Marton & Saljo, 1984, dalam Fry et al., 2003), mendapati bahawa pendekatan pelajar terhadap tugas mereka ditentukan oleh tahap penglibatan mereka dalam subjek berkenaan iaitu menjurus kepada pendekatan pembelajaran yang dipilih oleh pelajar.

Dalam usaha untuk memperoleh kejayaan akademik, kajian lalu telah menegaskan bahawa seseorang pelajar perlu menitikberatkan pendekatan pembelajaran yang diamalkan supaya dapat mengurangkan masalah pembelajaran pelajar. Walaubagaimanapun, kemungkinan wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki pendekatan pembelajaran yang sesuai. Masalah berlaku apabila pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan pendekatan pengajaran pensyarah. Akibatnya pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian, menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa (Baharin et al., 2007). Kajian oleh Bass dan Greary (1996) merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi seseorang pelajar mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari pendekatan pembelajarannya. Penggunaan kaedah atau pendekatan pembelajaran dapat membantu seseorang pelajar mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran. Pendekatan pembelajaran yang digunakan juga dapat membantu pelajar untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997). Pelajar yang tahu menggunakan pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Klavas (1994) dalam kajiannya mendapati setelah pelajar diperkenalkan dengan pendekatan pembelajaran dan menggunakannya telah mendapat keputusan yang cemerlang.

Keadaan ini menjelaskan pelajar mempunyai tahap motivasi yang berbeza, berbeza sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran, memberi respon yang berbeza kepada persekitaran pembelajaran dan amalan pengajaran. Pelajar belajar dalam berbagai cara iaitu dengan melihat dan mendengar, merefleksi dan melakukan, berfikir secara logik dan intuitif, dan menghafal, mengingat dan menggambarkan (Baharin, 2007). Kirby et al. (2003), mengusulkan tiga jenis pendekatan yang dapat

dirujuk sebagai pendekatan mendalam, pendekatan luaran secara rasional dan pendekatan luaran secara tidak teratur. Pendekatan mendalam digunakan apabila seseorang pelajar adalah dimotivasikan secara dalaman dan gemar menggunakan strategi untuk memaksimumkan pemahaman. Pendekatan luaran secara rasional adalah dari motivasi luaran dan pendekatan ini menggalakkan pelajar gemar kepada arahan dan struktur yang jelas dalam proses pembelajaran. Pendekatan luaran tidak teratur pula didorong oleh motif untuk mengelak dari gagal dan pelajar belajar secara mekanikal melebihi belajar untuk pemahaman. Dalam konteks ini pendekatan pengajaran seseorang tenaga pengajar iaitu pensyarah perlu mempraktikkan sesuatu yang berbeza dalam pengajarannya kerana perubahan tingkah laku merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Faktor pendekatan pengajaran yang diamalkan pensyarah memainkan peranan dalam proses pembelajaran individu iaitu pelajar, kerana semakin meningkat umur seseorang, cabaran dan halangan yang ditempuhi adalah semakin meluas dan disebabkan itu, individu ini lebih berhati-hati dalam mengambil keputusan. Sejalan dengan prinsip pembelajaran dewasa yang mana pelajar dewasa lebih terarah sendiri (*self-directed*), mahukan kebebasan dalam berfikir dan melaksanakan aktiviti tugas. Kajian yang dijalankan oleh Khiong (2006) di UTM ke atas pelajar SPACE mendapati pelajar dewasa lebih cenderung kepada pendekatan pengajaran pensyarah yang bertindak sebagai fasilitator dan *delegator* berbanding pengajaran yang hanya menumpukan kepada syarahan semata. Dapatan ini membuktikan pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dewasa juga adalah dipengaruhi oleh amalan pengajaran pensyarah dalam proses pembelajaran mereka. Oleh itu, pentingnya kajian tentang pendekatan pembelajaran ini dijalankan adalah kerana apabila individu diberikan tugas, kebiasaannya individu akan menggunakan semua maklumat yang signifikan kepada proses pembelajaran tanpa menilai terlebih dahulu maklumat yang sedia ada. Namun begitu, jika pelajar menggunakan pengalaman yang ada serta pendekatan pembelajaran yang tepat, dibantu pula dengan pengajaran pensyarah yang ideal ia akan memudahkan pelajar dan memberikan kelebihan kepada pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Pendekatan pembelajaran yang efektif juga boleh memberikan maklumat asas kepada pelajar tentang bidang pekerjaan yang ingin mereka ceburi. Oleh itu, kajian ini akan dijalankan di kalangan

pelajar pascasiswazah di peringkat universiti bagi melihat sejauhmana pendekatan pengajaran pensyarah membantu dalam pemilihan pendekatan pembelajaran yang digunakan.

Sebagai seorang pengajar, secara sedar atau tidak memang mempunyai gaya pengajaran yang tersendiri dan berbeza-beza antara satu sama lain. Secara umumnya, pendekatan pengajaran adalah pendekatan yang diambil oleh tenaga pengajar untuk mengajar pelajar-pelajarnya dan biasanya menggambarkan pegangannya mengenai pengajaran. Dengan mengetahui pendekatan pengajaran, tenaga pengajar mempunyai peluang memilih pendekatan yang sesuai dengan pelajar mereka. Menurut Ee (2007), pemilihan pendekatan pengajaran yang sesuai akan membawa kepada pengajaran yang berkesan serta pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

Tuckman (2002) melalui penyelidikan yang memadankan pendekatan pembelajaran dengan pendekatan pengajar telah menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara cara belajar pelajar dengan kaedah penyampaian pengajaran pensyarah. Serasin (2008) juga menyatakan bahawa pensyarah seharusnya boleh mengubah pendekatan pengajaran mereka berdasarkan pendekatan pembelajaran pelajar. Pada masa kini, terdapat banyak pendekatan pengajaran dalam pendidikan dewasa yang boleh dijadikan panduan kepada para pensyarah untuk merancang proses P&P mereka. Biasanya pensyarah akan memilih pendekatan yang selesa dengan dirinya (Esah, 2003). Namun begitu adalah penting juga dipertimbangkan kesesuaian dengan pelajarnya. Oleh yang demikian, pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar haruslah dipilih supaya kaedah dan bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah adalah efisien.

Sehubungan dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran di universiti adalah untuk melengkapkan diri pelajar dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat membantu pelajar pascasiswazah untuk menghadapi dunia pekerjaan dan berjaya dalam kehidupan. Pelajar pascasiswazah perlu dibentuk dengan amalan pengajaran dan pembelajaran yang ideal kerana golongan ini bakal memacu organisasi pekerjaan mereka suatu masa kelak. Bahkan, pelajar dewasa

cenderung menjadi golongan berkepentingan yang akan mengubah polisi organisasi pekerjaan mereka malah negara. Oleh itu, pendekatan pembelajaran yang digunakan dalam proses belajar serta pendekatan pengajaran yang disalurkan pensyarah turut memberi impak dalam kehidupan masa hadapan.

Faktor efikasi sendiri turut memainkan peranan dalam pemilihan pendekatan pembelajaran bagi pelajar dewasa. Dapatan kajian (Saemah & Phillips, 2006; Pintrich & Schunk, 2002; Covington, 2000; Doljanac, 1994) mengenai konstruk motivasi seperti efikasi sendiri dalam bidang pendidikan secara konsisten menunjukkan hubungan yang positif antara motivasi dengan prestasi akademik. Bagaimanapun, kekuatan hubungan antara keduanya agak lemah menunjukkan kemungkinan motivasi tidak berkait secara langsung dengan prestasi akademik (Siti Liyana, 2008), tetapi berinteraksi dengan pemboleh ubah lain dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Beberapa kajian lepas membuktikan kepentingan efikasi sendiri dan hubungannya dengan pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar universiti (Mohammed Darabie, 2010). Situasi ini menunjukkan prestasi pembelajaran pelajar akan menjadi lebih cemerlang dan efektif apabila pendekatan pembelajaran pelajar disertai dengan efikasi sendiri. Kepercayaan pelajar dewasa terhadap kemampuan sesuatu pendekatan atau bahan akan mempengaruhi keputusan pelajar untuk menerima dan mengaplikasi pendekatan tersebut dalam pembelajaran mereka. Di samping itu, sikap bimbang dan kurang keyakinan untuk menguasai sesuatu pelajaran yang baru juga akan menyebabkan pelajar kurang berminat untuk menerima sesuatu ilmu baru. Oleh itu, efikasi sendiri merupakan keseluruhan pandangan seseorang individu pelajar terhadap dirinya. Sebagai pelajar dewasa, mereka yang mempunyai lokus kawalan dalaman berpendapat bahawa mereka bertanggungjawab kepada kehidupan mereka sendiri dan akan melakukan apa yang mereka rasa sesuai untuk diri mereka sendiri. Mereka mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang lebih sihat dan mempunyai kemahiran sosial yang lebih baik.

Justeru, efikasi sendiri pelajar pascasiswazah semasa menggunakan pendekatan pembelajaran mendorong pelajar untuk lebih komited dalam melaksanakan tugas aktiviti yang diberikan. Di samping itu, kelebihan memiliki efikasi sendiri pada diri pelajar akan memberi perubahan pada tahap keyakinan dan

kepercayaan keupayaan diri. Kekurangan yang ada pada diri pelajar dapat diatasi lalu menjadi hasil yang berkualiti apabila dalam kesukaran mengendalikan tugas aktiviti, menyebabkan pelajar menganggap bahawa pengawalan efikasi sendiri dalam pendekatan pembelajaran yang digunakan dengan berkesan. Seperti kajian ini, Abdul Rahim dan Rohana (2010) menyatakan pelajar yang memiliki tahap efikasi sendiri yang tinggi lebih senang mendapat pekerjaan berbanding dengan pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang kurang. Tambahan pula, efikasi sendiri telah didapati menyumbang kepada kegigihan pelajar dalam melaksanakan tugas pembelajaran yang mendorong kepada pencapaian sebenar dan yang dijangka (Zimmerman, 1995). Namun begitu, kesan efikasi sendiri dalam pencapaian sebenar dan yang dijangka adalah kecil, terutama apabila keupayaan pelajar dan pengaruh lain dalam pencapaian diambil kira (Valentine, DuBois dan Cooper, 2004). Kajian ini dijalankan berdasarkan kepentingan semua pembolehubah yang dikaji seiring dengan matlamat pendidikan sepanjang hayat UTM untuk menghasilkan tenaga kerja mahir berkualiti yang diperlukan dalam kerjaya dalam pelbagai bidang.

Oleh itu, kajian mengenai pendekatan pembelajaran pelajar dan pendekatan pengajaran pensyarah di universiti perlu dibuat supaya proses dan prestasi pelajar dapat dipertingkatkan. Di samping itu, kesedaran mengenai pentingnya interaksi antara tiga elemen ini di kalangan pelajar juga boleh membantu pihak universiti dan pensyarah menyediakan persekitaran dan pendekatan mengajar yang lebih sesuai dengan kecenderungan pelajar belajar (Baharin, 2007). Kajian ini secara khusus ingin mengenalpasti kesan efikasi sendiri ke atas hubungan antara pendekatan pengajaran dan pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah. Konstruk ini dipercayai saling berkaitan dan dijangkakan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik di kalangan pelajar.



## 1.2 Latar Belakang Tempat Kajian

UTM dipilih sebagai tempat kajian disebabkan oleh persekitaran pendidikannya yang telah berubah yang memerlukan staf akademiknya mempunyai sifat daya saing yang tinggi di samping bekerja secara proaktif, kreatif dan inovatif. Sementara itu, graduan yang perlu dilahirkan mampu menggunakan sepenuhnya pengetahuan mereka dan dijangkakan menjadi professional yang kompeten, kreatif dan serba boleh. Masyarakat akademik di UTM dilihat sebagai elemen penting bagi memacu matlamat menjadi universiti penyelidikan berasaskan keusahawanan. Peranan penuntut di lihat turut berkembang dengan tugas dan tanggungjawab tidak tertumpu hanya kepada pembelajaran sahaja. Malah ianya telah diperluaskan untuk menyemarakkan budaya ilmu di kalangan mereka agar keindahan makna ilmu dapat diserlahkan (Zaini, 2011).

Sejak penubuhan rasminya pada tahun 1975 sebagai sebuah universiti awam, dengan permulaan penubuhannya terlebih dahulu sebagai kolej teknikal, UTM telah melalui fasa menarik dalam pembangunan dan pertumbuhan sehingga hari ini di mana ia berdiri sebagai universiti penyelidikan. Dalam usaha menjadi universiti terkemuka, UTM komited menjadi universiti penyelidikan berasaskan keusahawanan bertaraf dunia. Matlamat ini selaras dengan aspirasi negara ke arah menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi melalui kreativiti serta inovasi yang mempunyai nilai ciptaan yang tinggi. Seterusnya matlamat UTM telah ditetapkan untuk menjadi universiti berstatus global yang tergolong dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

Mendukung aspirasi tersebut, tumpuan dalam menghasilkan pelajar berkualiti bukan sahaja melalui hasil keputusan akademik yang cemerlang malah pelajar tersebut perlu tahu bagaimana mendekati diri dengan pembelajaran. Ini kerana melalui pendekatan pembelajaran yang baik, ia dapat menghasilkan pemahaman terhadap pembelajaran yang berkesan dan berguna pada masa akan datang.

Oleh kerana pelajar pascasiswazah adalah terdiri daripada pelajar dewasa yang matang, efikasi sendiri secara khusus pada seseorang bahawa dia boleh berjaya dalam tugas yang diberikan adalah penting untuk meramal tingkahlaku seperti ketabahan dan kejayaan dalam pencapaian gred serta untuk memahami tingkahlaku yang diusahakan atau dielakkan. Maka efikasi sendiri setiap dari mereka mampu mengubah cara pendekatan pembelajaran yang digunakan dalam menghadapi situasi kesukaran semasa pembelajaran dan mengawal tekanan. Di samping itu juga, pendekatan pengajaran bagi pelajar pascasiswazah turut berbeza dari segi proses pembelajaran, fokus bidang, beban tugas, serta persekitaran pembelajaran. Di sini, jelas menunjukkan bagaimana pendekatan pembelajaran mempunyai hubungan dengan pendekatan pengajaran dari segi efikasi sendiri.

Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) mensasarkan pada tahun 2015 para graduan kelahiran UTM akan menjadi graduan berpusatkan universiti. Sasaran ini lebih tertumpu kepada kelahiran pascasiswazah yang menepati kriteria dan sasaran universiti yang telah ditetapkan. Kaedah yang dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran yang efektif adalah berdasarkan amalan, pendekatan dan aktiviti di dalam dan di luar kelas (SPS, 2013). Staf akademik siswazah bertanggungjawab memberi khidmat pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi yang boleh membantu perkembangan mahasiswa ke arah kecemerlangan akademik dan pembentukan keperibadian yang positif.

Tambahan lagi, bagi melahirkan pelajar-pelajar berdisiplin, bermoral, mempunyai sahsiah yang baik dan berbudi bahasa, aspek dalaman individu perlu diterokai dan dibantu. Oleh itu, aspek motivasi iaitu efikasi sendiri menyumbang kepada bertambah atau berkurangnya permasalahan yang perlu ditangani dalam kalangan pelajar pascasiswazah semasa proses pengajaran oleh staf akademik UTM. Tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian atau kecemerlangan para graduan merupakan ukuran yang menentukan kejayaan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT). Masyarakat juga memandang tinggi dan berebut-rebut untuk memasuki institusi pengajian tinggi yang cemerlang. Hal ini disebabkan IPT yang berjaya menghasilkan output yang mencapai kecemerlangan akademik dan kerjaya dikatakan

IPT yang berkesan atau efektif. Justeru, pencapaian akademik dan sahsiah para pelajar sangat diperlukan bagi kesejahteraan hidup. Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan adalah alat bagi pembangunan individu dan seterusnya pembangunan masyarakat dan negara seiring dengan matlamat pendidikan negara kita jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Seharusnya setiap pelajar menyedari akan kepentingan penggunaan pendekatan pembelajaran dan didorong pendekatan pengajaran pensyarah yang ideal membantu kecemerlangan akademik. Sekiranya pelajar mahu menjadi insan yang cemerlang apabila dewasa kelak, mereka mestilah cemerlang dalam bidang akademik. Setiap pelajar harus menyedari tiada siapa yang dapat mengubah nasib mereka melainkan diri mereka sendiri. Pelajar tidak boleh mengharapkan orang lain membantu mereka untuk cemerlang jika mereka sendiri tidak mahu cemerlang.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Perbezaan atau variasi seseorang individu dengan norma kumpulan, samada dalam sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial atau bakat sememangnya wujud dalam sesebuah kumpulan (Santhi Suppiah, 1998; Dunn dan Dunn, 1978). Perbezaan dalam diri pelajar pascasiswazah boleh dikesan berkait dengan aspek perkembangan fizikal, mental, emosi dan sosial. Di universiti, para pelajar akan membentuk pendekatan pembelajarannya sendiri. Malah, terdapat pelajar yang beranggapan bahawa mengenal pendekatan pembelajaran tertentu dalam proses pembelajaran adalah tidak penting kerana para pensyarah yang mengendalikan mereka hanya bertanggungjawab tentang subjek yang diajar tanpa menghiraukan proses kognitif pelajar (Ahmad Johari dan Aidah Quriah, 2010). Akibatnya setiap pelajar mempunyai kepelbagaian dan kecenderungan pendekatan pembelajaran yang berbeza, strategi belajar yang berbeza dan kadar pembelajaran yang berlainan. Ada di antara pelajar ini mempunyai pendekatan pembelajaran yang dominan, dan ada pula yang menggunakan pendekatan belajar yang berbeza

disesuaikan mengikut persekitaran. Kepelbagaian ini perlu dikenalpasti oleh para pensyarah ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran supaya pensyarah dapat membuat persediaan yang rapi dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan pengetahuan sedia ada pelajar sebelum memulakan sesi pengajaran.

Kajian lepas menjelaskan untuk pelajar belajar lebih berjaya, pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai model dan pendekatan pembelajaran. Malangnya, unsur ini kurang ditekankan oleh pensyarah. Sarena (2003) menyatakan sistem pendidikan di Malaysia masih kurang menekankan aspek teknik belajar secara formal, menurutnya lagi, kebanyakan pelajar mempelajari pendekatan atau kemahiran belajar secara kebetulan, tidak langsung atau terikut-ikut dengan rakan sebaya. Situasi ini wujud disebabkan pelajar tidak mempunyai panduan yang khusus untuk menghadapi pembelajaran mereka. Sangat sedikit pelajar didedahkan dengan pendekatan pembelajaran dan kemahiran belajar semasa di peringkat awal persekolahan. Siti Hawa (1987) telah membuat satu kajian kemahiran belajar pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Hasil kajiannya mendapati kesedaran pelajar UPM tentang penggunaan kemahiran belajar yang berkesan di kalangan pelajar masih berada pada tahap yang rendah. Kajian Baharin (2007) di UTM pula menunjukkan pelajar lebih ramai cenderung menggunakan pendekatan reflektif di mana pelajar membuat proses dalam minda. Pendekatan reflektif ini lebih dekat dengan elemen-elemen pendekatan pembelajaran mendalam oleh Kirby et al. (2003). Namun begitu, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pelajar cemerlang sahaja, menafikan kehadiran pelajar yang kurang menyerlah kecemerlangannya dalam akademik. Menjelang 2017, UTM berazam untuk mencapai 70 peratus pascasiswazah bertaraf universiti penyelidikan dan ini bakal menjadikan UTM mempunyai majoriti pelajar dewasa. Tambahan pula, melihat kepada realiti bahawa pendekatan pembelajaran bagi seseorang pelajar sangat berbeza di antara satu sama lain. Demi menuju kecemerlangan yang ingin dicapai, kajian ini mendapati bahawa kaedah, sumber dan program yang disesuaikan dengan pendekatan pembelajaran seseorang pelajar dapat mempertingkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar dan membawa pelajar mencapai ke tahap yang lebih cemerlang. Pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan jurusan

atau kehendak kursus yang diambil juga akan memberi kesan positif kepada pencapaian akademik.

Mempelajari kemahiran belajar yang sesuai merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar yang ingin mencapai kejayaan yang cemerlang. Pelajar selalu menghadapi masalah untuk mencatat nota, merancang kerja, mengagihkan masa untuk belajar dan selalu tidak sempat habis membaca nota semasa peperiksaan. Antara punca berlakunya kemerosotan pencapaian akademik pelajar ialah mereka gagal menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di universiti, di samping tidak mempunyai pendekatan pembelajaran yang betul (Baharin, 2003, 2000; Abdul Ghani, 1996). Akibatnya ramai pelajar yang kurang berjaya gagal mencapai keputusan cemerlang mengakui diri mereka kekurangan pengetahuan dalam kemahiran belajar. Mereka tidak dapat mencari pendekatan belajar yang paling sesuai dengan sikap sendiri. Ini jelas menunjukkan betapa perlunya seseorang pelajar mengetahui pendekatan pembelajaran dan menguasai kemahiran belajar yang paling sesuai dengan diri sendiri terutamanya ketika menghadapi peperiksaan. Pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Menurut Kirby et al. (2003), terdapat tiga tahap pendekatan pembelajaran pelajar adalah seperti mendalam, luaran tidak teratur dan luaran secara rasional. Manakala, menurut Conti (2004), elemen-elemen pendekatan pengajaran pensyarah yang mempengaruhi pendekatan pembelajaran pelajar adalah seperti aktiviti berpusatkan pelajar, pengajaran persendirian, kaitan pada pengalaman, menilai keperluan pelajar, iklim pembangunan, penyertaan dalam proses pembelajaran serta fleksibiliti untuk pembangunan sendiri. Model dan dimensi ini seterusnya dijadikan panduan mengesan tahap pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah dan jenis pendekatan pengajaran pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Kajian-kajian lepas di luar negara seperti (Kirby, 2001), (Donald, 2007), (Carlo, 2009) dan (Adahi, 2011) menunjukkan elemen pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar mahupun pekerja dalam pelbagai bidang banyak

dijalankan. Namun begitu, hanya terdapat beberapa kajian sahaja yang dijalankan di dalam negara seperti (Roziana et al., 2011; Mohd Syawal, 2010; Mohd Safarin et al., 2005 dan Thang, 2004) yang menekankan pendekatan pembelajaran sebagai satu *platform* dalam membangunkan proses pembelajaran itu sendiri. Pendekatan pembelajaran juga boleh dijadikan sebagai elemen utama dalam proses pembelajaran yang efektif dan berkesan khususnya bagi seorang pelajar. Walaupun pengkaji terdahulu telah banyak menyumbang dalam merekabentuk amalan pembelajaran yang berkesan, namun pelaksanaannya masih terhad. Keberkesanan proses pembelajaran bukan sahaja bergantung kepada kualiti amalan pendekatan pembelajaran pelajar, tetapi juga di atas kejayaan pendekatan pengajarannya (Trigwell, 2010). Walaupun amalan pendekatan pembelajaran dianggap berkesan, sistem pembelajaran pelajar mungkin masih tidak efektif. Ini disebabkan oleh kegagalan pelajar dalam memahami konsep asas pendekatan pembelajaran, kurangnya bantuan pensyarah dari proses pengajaran yang diamalkan pensyarah dan konsep pembelajaran pengajian tinggi yang sangat abstrak. Kebanyakan pelajar adalah berbeza dari segi kebolehan, keperluan dan minat, maka pendekatan pembelajaran yang digunakan boleh menimbulkan perasaan ingin tahu pelajar bagi memahami proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku dan boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna. Oleh itu kaedah pengajaran boleh diubahsuaikan mengikut kriteria ini. Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat tahap pendekatan pembelajaran dan pendekatan pengajaran ideal dalam kalangan pelajar dan pensyarah yang dianggap sebagai golongan yang penting untuk mencapai matlamat UTM.

Beberapa kajian lepas berkaitan elemen proses pembelajaran lebih berfokuskan kepada beberapa aspek seperti corak pembelajaran, pembelajaran dewasa, dan persekitaran pembelajaran (Papinczak et al., 2008; Struyven et al., 2006; Gijbels et al., 2009). Selain daripada elemen-elemen di atas, pendekatan pembelajaran juga memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. Penggunaan pendekatan pembelajaran yang efektif boleh menyumbang kepada peningkatan peratusan pelajar berkualiti dalam institusi pengajian (Byrne et al., 2009; Ramsden, 2003; Rowe, 2000). Sebagai contoh, jika seseorang itu cenderung

menggunakan pendekatan mendalam, mereka ini lebih bersifat berdikari di mana mereka tidak akan bergantung kepada fakta dan maklumat yang ada semata-mata. Pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran yang tepat lebih cenderung bersifat berdikari dalam menyelesaikan masalah mereka samada dalam proses pembelajaran mahupun luar pembelajaran, malah individu seperti ini merupakan contoh pelajar yang mempunyai kualiti tersendiri. Selain itu, melalui pendekatan pembelajaran yang tepat juga mampu mendorong pelajar dalam menggunakan kepakaran dan kebolehan masing-masing dalam proses pembelajaran. Pelajar berkualiti merupakan individu yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga berjaya menguasai pelbagai kebolehan yang berkaitan dengan persekitaran mereka. Pendekatan pembelajaran dipengaruhi oleh persepsi pelajar terhadap keperluan tugas pembelajaran, yang mana pula, dipengaruhi oleh kedua-dua persepsi keadaan pembelajaran (pengajaran, kurikulum dan penilaian) dan faktor peribadi, seperti orientasi umum untuk belajar dan pengalaman sebelum belajar. Pendekatan pembelajaran pelajar bukanlah ciri-ciri intrinsik pelajar itu, tetapi ianya adalah dinamik dan mungkin berubah bergantung kepada bagaimana pelajar melihat sesuatu tugas pembelajaran (Lucas & Mladenovic, 2004; Ramsden, 1987). Pelajar pascasiswazah merupakan individu yang mempunyai pengalaman dan kemahiran tersendiri dalam membentuk pembangunan sendiri masing-masing untuk menjadi graduan yang profesional, kompeten, dan serba boleh. Akhirnya, pendekatan pelajar dalam pembelajaran adalah sangat sensitif kepada konteks di mana pembelajaran berlaku, di mana mampu memberi peluang kepada pendidik untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar (Prosser & Trigwell, 1999). Oleh itu, kajian dilakukan bagi melihat tahap pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah yang diperkenalkan oleh Kirby et al. (2003) di samping mengkaji kesan dalam hubungannya dengan pendekatan pengajaran pensyarah. Kajian ini juga dijalankan bagi tujuan penambahbaikan dalam bidang yang berkaitan khususnya bagi institusi pembelajaran di Malaysia.

Di sini, jelas menunjukkan bahawa kajian terhadap pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah UTM adalah penting bagi mengenalpasti sejauhmana pendekatan pembelajaran yang diperkenalkan dapat membantu dalam mencapai matlamat kajian dan pihak UTM sendiri. Ini kerana, pendekatan

pembelajaran yang tepat boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan di Malaysia khususnya pelajar UTM. Namun begitu, kajian yang lebih mendalam tentang jenis pendekatan pembelajaran ke atas pelajar pascasiswazah dan hubungannya dengan pendekatan pengajaran tidak banyak diterbitkan. Justeru, kajian terhadap kesan pendekatan pengajaran terhadap pendekatan pembelajaran bagi pelajar pascasiswazah mendapat perhatian penuh pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam.

Kaye (2013) menjalankan kajian ke atas pelajar dewasa yang menghadapi kesukaran pembelajaran. Hasil kajiannya mendapati, pelajar yang bermasalah pembelajaran ini mempunyai efikasi sendiri yang negatif atau memiliki efikasi sendiri yang rendah. Mereka tidak mempunyai keyakinan diri dan tidak memberi satu penilaian yang tinggi pada diri sendiri. Manakala Brookover (2004 dalam Azizi) pula menjalankan kajian ke atas pelajar kolej. Hasil kajiannya memaparkan, terdapat hubungan antara efikasi sendiri dengan ramalan pencapaian akademik dan kecerdasan pelajar itu sendiri. Sebagai 'pemacu personaliti', pengaruh efikasi sendiri meluas ke sebahagian besar tindak balas pembelajaran pelajar itu. Hasil sorotan ke atas kajian-kajian lepas, pengkaji telah menemui keputusan yang menunjukkan bahawa salah satu pengaruh besar dalam penggunaan pendekatan pembelajaran pelajar adalah faktor efikasi sendiri. Oleh itu, efikasi sendiri dipilih menjadi moderator dalam interaksi pendekatan pembelajaran pelajar dan pendekatan pengajaran pensyarah. Menurut Bailey et al. (2000) kajian yang dijalankannya ke atas pelajar mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajiannya membuktikan pelajar yang berprestasi baik dalam pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan efikasi sendiri positif. Sebaliknya pelajar yang prestasi lemah dalam pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan efikasi sendiri negatif.

Kajian terdahulu yang pernah dilakukan untuk mengkaji pendekatan pengajaran dan pendekatan pembelajaran seperti yang dilakukan oleh Richardson (2005), Papinczak et al. (2008) dan Kaye (2013) menumpukan kepada persepsi pelajar pada pendekatan pengajaran yang diamalkan pensyarah. Kajian ini memilih



pensyarah kerana bidang tugas mereka adalah kepakaran mereka. Ini bertujuan untuk melihat dapatan kajian bagi hubungan antara pendekatan pengajaran dan pendekatan pembelajaran yang lebih kukuh supaya hasilnya lebih teruji dalam bidang tugas yang berbeza. Justeru, kajian ini dibuat untuk mengkaji pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah dan pendekatan pengajaran pensyarah di UTM dari pelbagai tahun peringkat Sarjana dan program pengajian supaya langkah yang betul dapat diambil untuk memperbaiki situasi yang berlaku, di samping untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan prestasi akademik pelajar.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- 1.4.1 Apakah jenis pendekatan pengajaran pensyarah (iaitu berpusatkan pelajar atau berpusatkan pengajar) yang cenderung digunakan oleh pensyarah di UTM?
- 1.4.2 Apakah tahap pendekatan pembelajaran (iaitu mendalam, luaran tidak teratur atau luaran secara rasional) yang cenderung digunakan oleh pelajar pascasiswazah di UTM?
- 1.4.3 Adakah pendekatan pengajaran pensyarah memberikan kesan terhadap pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah di UTM?
- 1.4.4 Adakah faktor efikasi sendiri menjadi moderator kepada hubungan di antara pendekatan pengajaran pensyarah dengan penggunaan pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah di UTM?

## **1.5 Objektif Kajian**

- 1.5.1 Mengenalpasti jenis pendekatan pengajaran pensyarah yang digunakan oleh pensyarah di UTM.
- 1.5.2 Mengenalpasti tahap pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah di UTM.
- 1.5.3 Mengenalpasti kesan pendekatan pengajaran pensyarah terhadap penggunaan pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah di UTM.
- 1.5.4 Mengenalpasti faktor efikasi sendiri menjadi moderator kepada hubungan antara pendekatan pengajaran pensyarah dengan penggunaan pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah di UTM.

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis yang digunakan ialah hipotesis alternatif supaya dapat diuji kebenarannya dalam hasil dapatan kajian. Hipotesis alternatif yang telah dikenalpasti ialah:

- Ha<sub>1</sub>: Terdapat hubungan antara pendekatan pengajaran pensyarah pada penggunaan pendekatan mendalam di kalangan pelajar pascasiswazah UTM.
- Ha<sub>2</sub>: Terdapat hubungan antara pendekatan pengajaran pensyarah pada penggunaan pendekatan luaran secara rasional di kalangan pelajar pascasiswazah UTM.
- Ha<sub>3</sub>: Terdapat hubungan antara pendekatan pengajaran pensyarah pada penggunaan pendekatan luaran tidak teratur di kalangan pelajar pascasiswazah UTM.

Ha<sub>4</sub>: Efikasi sendiri memberi kesan kepada hubungan antara pendekatan pengajaran pensyarah dengan penggunaan pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar pascasiswazah UTM.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian akan dijalankan dalam kalangan pelajar-pelajar pascasiswazah sepenuh masa dan separuh masa ijazah sarjana Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta pensyarah-pensyarah yang mengajar peringkat pascasiswazah di UTM dalam pelbagai fokus bidang. Kajian ini dijalankan di Johor Bahru di fakulti-fakulti yang terlibat sekitar UTM Johor Bahru. Dalam kajian ini, skop pembelajaran merangkumi pendekatan pembelajaran yang sering digunakan oleh pelajar pascasiswazah UTM yang merangkumi ketiga-tiga bidang utama yang ditawarkan iaitu Sains dan Teknologi, Kejuruteraan dan Sains Sosial. Terdapat tiga pendekatan pembelajaran yang akan dikaji iaitu pembelajaran secara mendalam, pembelajaran secara luaran yang tidak teratur dan pembelajaran secara luaran yang rasional (Kirby *et. al*, 2003). Selain itu, skop pengajaran merangkumi pendekatan pengajaran yang menjadi amalan pensyarah yang akan dikaji iaitu pengajaran berpusatkan pengajar dan pengajaran berpusatkan pelajar (Liu, Qiao & Liu, 2009).

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Terdapat tiga fokus yang ingin diketengahkan dalam kajian ini iaitu kepada disiplin ilmu, organisasi dan pengkaji.

Setiap individu mempunyai tahap penggunaan pendekatan pembelajaran yang berbeza mengikut keserasian pelajar terhadap amalan pendekatan pengajaran yang berlaku. Kajian yang akan dijalankan diharap dapat memberi perspektif baru yang lebih baik mengenai penggunaan pendekatan pembelajaran yang sesuai digunakan dalam proses pembelajaran. Ini kerana kajian mengenai pendekatan pembelajaran boleh menyumbang kepada perubahan positif prestasi pelajar melalui proses pembelajaran yang mana ia juga mampu untuk mengecilkan jurang kelemahan dalam bidang yang berkaitan. Selain itu, pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan dapat memberikan sumbangan yang besar dalam diri individu, organisasi berkaitan serta bidang pendekatan pembelajaran dan sewajarnya. Bidang pembelajaran amat penting dalam melaksanakan tugas harian samada dalam bidang pengajian mahupun dalam organisasi. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan sejauhmana pendekatan pembelajaran memainkan peranan dalam proses pembelajaran khususnya bagi pelajar pascasiswazah UTM.

Menurut Trigwell dan Prosser (2004), persepsi pengajaran dapat diubah apabila pengajar dapat melihat pendekatan pengajaran mereka dan mengetahui bagaimana pendekatan mereka dialami oleh pelajar. Jelas di sini menunjukkan pengajaran juga sama penting agar pensyarah dapat membangunkan dan meningkatkan prestasi pengajaran mereka dalam membentuk amalan penggunaan pendekatan pembelajaran yang terbaik. Secara tidak langsung, pendekatan pengajaran turut memainkan peranan dalam memastikan pembangunan dan peningkatan pembelajaran pelajar berada dalam keadaan yang efektif dan berkesan. Berbeza dengan pengajaran di peringkat prasiswazah, pelajar pascasiswazah dilingkungi pelajar dewasa yang mempunyai persepsi yang tinggi di peringkat yang lebih tinggi ini, dengan lebih banyak penggunaan pengalaman-pengalaman terdahulu dalam melaksanakan tugas yang diberikan sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran. Pendekatan pengajaran yang bersesuaian juga boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar jika individu tersebut diberikan sokongan dan pengetahuan asas tentang pendekatan yang sesuai mengikut keadaan semasa. Oleh itu, kajian akan melihat sejauhmana amalan pengajaran pensyarah memainkan peranan dalam pemilihan pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah di UTM.

Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji kesan faktor efikasi sendiri dalam hubungan pendekatan pengajaran dengan pendekatan pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran pelajar. Kajian akan mengkaji samada faktor efikasi sendiri memberikan kesan dalam hubungan antara pendekatan pengajaran dengan pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah UTM. Pada dasarnya, pelajar pascasiswazah melibatkan dua kelompok pelajar iaitu pelajar yang terus menerus menyambung pengajian dengan tiada pengalaman kerja dan pelajar yang menyambung pengajian dengan mempunyai pengalaman kerja. Zajacova (2005) menetapkan lingkungan usia pelajar dewasa bermula dari 25 tahun ke atas. Pada peringkat umur begini yang membezakan kedewasaan mereka sebagai pelajar dan memberi kelebihan atas apa yang dimiliki oleh pelajar pascasiswazah ini. Efikasi sendiri pelajar boleh digunakan sebagai satu dimensi dalam mengukur sejauhmana ia boleh memberi kesan terhadap pendekatan pembelajaran pelajar. Melalui efikasi sendiri yang dibentuk dalam diri pelajar, ia membolehkan individu meningkatkan keyakinan diri untuk berjaya dan mendekati pendekatan yang terbaik untuk berfikir secara mendalam tentang bagaimana proses pembelajaran boleh dikaitkan dengan kehidupan seharian serta memperoleh hasil pencapaian akademik yang baik. Oleh itu, kajian akan dijalankan dengan melihat bagaimana faktor ini memberi kesan terhadap hubungan kedua pembolehubah. Kajian ini juga diharapkan agar dapat membantu organisasi dalam memahami dengan lebih baik tentang pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran pelajar pascasiswazah.

Kajian yang akan dilaksanakan diharap dapat membantu dalam membawa bidang pendekatan pembelajaran ke arah tahap yang lebih tinggi dan seterusnya dapat menambah pengetahuan umum tentang kepentingan pendekatan pembelajaran dan pengajaran dalam bidang yang berkaitan. Melalui pendekatan pengajaran, pengkaji ingin mengetahui sejauhmana ianya memberi kesan yang efektif ke atas pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar pascasiswazah yang terlibat. Ini memberikan maklumat penting dalam mengetahui amalan pendekatan pengajaran yang berkesan dalam pengajian tinggi amnya. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah pemahaman yang lebih baik tentang pendekatan pengajaran dan hubungannya terhadap pendekatan pembelajaran.

Oleh yang demikian, kajian akan dijalankan bagi mengenalpasti pendekatan pengajaran yang wujud di kalangan pensyarah yang mana ia akan membantu para akademik UTM meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai misi UTM menjadi universiti berstatus global. Dalam mencapai matlamat tersebut, kajian ini akan memberikan penekanan yang lebih ke atas pendekatan pengajaran yang digunakan pensyarah kepada pelajar dan bagaimana pendekatan pengajaran memainkan peranan dalam bidang tersebut agar pendekatan yang terbaik akan menjadi amalan. UTM mengiktiraf para akademik dan para graduannya sebagai penyumbang utama dalam mencapai matlamat universiti. Oleh itu, kajian ini dijalankan agar membantu pengkaji dalam mencapai objektif kajian dan seterusnya membantu UTM dalam menghasilkan graduan yang profesional, kompeten, berkualiti dan serba boleh pada masa akan datang.

Hasil kajian juga boleh digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain sebagai rujukan dan panduan agar dapat menyumbang dalam bidang yang berkaitan dengan pendekatan pembelajaran dan pengajaran pada masa akan datang. Pengkaji juga mengharapkan agar kajian yang dijalankan dapat membantu pihak UTM untuk menghasilkan program pengajian profesional dan pendidikan berterusan yang lebih berkualiti dan seterusnya dapat membantu sedikit sebanyak dalam mencapai matlamat UTM.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian hanya dilakukan dalam kalangan pelajar pascasiswazah tanpa mengira bidang pengajian yang dipelajari oleh pelajar. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak mengukur pendekatan pembelajaran dan pengajaran bagi setiap satu program tetapi hanya melihat kepada keseluruhan bidang melalui tiga bidang pengajian utama seperti Sains Sosial, Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi. Kajian yang dijalankan hanya akan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan akan diedarkan

pada waktu tertentu sahaja. Kajian juga akan dijalankan secara keratan rentas. Kajian hanya mengenalpasti tiga dimensi pendekatan pembelajaran sahaja iaitu pendekatan mendalam, luaran rasional, dan luaran tidak teratur. Dimensi pendekatan pembelajaran yang lain tidak disentuh dalam kajian ini. Begitu juga dengan pendekatan pengajaran yang hanya mengenalpasti dua dimensi sahaja iaitu pengajaran berpusatkan pengajar dan pengajaran berpusatkan pelajar. Selain itu, data-data yang dikumpul adalah daripada pelajar pascasiswazah peringkat sarjana dan pensyarah yang mengajar peringkat sarjana di bidang yang terpilih sahaja. Justeru, pendapat dan perasaan seluruh pascasiswazah dan pensyarah dalam setiap bidang kajian tidak dapat ditentukan dengan lebih jelas. Kemungkinan ketepatan data-data yang dikumpul adalah tidak begitu tepat, sekiranya responden tidak menjawab soal selidik dengan jujur dan bersungguh-sungguh.

## **1.10 Definisi Konseptual**

### **1.10.1 Pendekatan Pengajaran**

Menurut Abu Bakar (2010) pendekatan pengajaran merupakan proses semasa pengajaran dan pembelajaran, yang mana seseorang pengajar boleh menggunakan kaedah-kaedah yang telah dipelajari. Kaedah yang dipilih haruslah bersesuaian dengan tahap kognitif (pemikiran dan minda) dan psikomotor (anggota fizikal badan) pelajar yang diajar. Bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran, pengajar wajar mengaplikasikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan pelajar. Ia juga meliputi kebolehan akademik pengajar merangkumi aspek-aspek mempengaruhi minat dan tumpuan pelajar ketika proses pengajaran.

Selain itu, Chyun (2007) menyatakan bahawa pendekatan pengajaran adalah proses pensyarah mengajar, meliputi kedua-dua niat untuk mengajar dan pendekatan yang digunakan untuk mengajar. Pengajaran ini juga menghubungkan isi kandungan

pelajaran dengan dunia sebenar, proses interaksi antara pelajar dengan pelajar yang lain serta menjadikan situasi pengajaran di kelas sebagai simulasi kepada tempat kerja. Pelajar juga disediakan dengan aplikasi amali untuk dipelajari di mana pelajar mempelajari sesuatu situasi secara keseluruhan dan kemudian memperinci elemen-elemen situasi tersebut.

Conti (2004) menjelaskan pendekatan pengajaran sebagai ke satu tahap kualiti yang jelas ditunjukkan oleh seorang pengajar yang konsisten dari satu situasi kepada situasi yang lain tanpa mengira bahan yang perlu diajar.

Manakala, Kember dan Kwan (2000) menerangkan bahawa pendekatan pengajaran ialah proses pengajaran pensyarah yang mengaitkan ilmu yang dipelajari dengan pengalaman seharian individu, masyarakat dan dunia pekerjaan. Pengajaran ini melibatkan perkongsian pemikiran dan pengalaman pensyarah untuk memberi kefahaman kepada pelajar kerana proses pengajaran dan pembelajaran itu sendiri melibatkan pelajar, pengajar dan bahan pengajaran.

#### **1.10.1.1 Pengajaran berpusatkan pelajar**

Dupin-Bryant (2004) mendefinisikan pengajaran berpusatkan pelajar sebagai pendekatan pengajaran yang responsif, bekerjasama, berpusatkan masalah dan demokratik di mana kedua-dua pihak iaitu pelajar dan pengajar memutuskan bagaimana, apa, dan bila pembelajaran berlaku.

Manakala, Noor Hisham (2011) menerangkan pengajaran berpusatkan pelajar sebagai satu pendekatan pendidikan di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian berfokuskan kepada pelajar. Peranan pensyarah berubah daripada peranan sebagai pemberi kepada fasilitator.



### **1.10.1.2 Pengajaran berpusatkan pengajar**

Menurut Dupin-Bryant (2004), pengajaran berpusatkan pengajar dianggap sebagai gaya arahan yang formal, terkawal, dan autokratik di mana pengajar mengarahkan bagaimana, apa, dan bila pelajar belajar.

Sementara itu, Wan Zah & Normadiah (2011) menerangkan bahawa pensyarah yang cenderung untuk menyampaikan maklumat dan hanya menyampaikan pengetahuan yang telah distruktur cenderung kepada amalan pengajaran berpusatkan pengajar.

### **1.10.2 Pendekatan Pembelajaran**

Coffield et al. (2004) menyatakan pendekatan pembelajaran ialah satu kaedah yang digunakan oleh individu untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan paling baik. Pendekatan pembelajaran menjelaskan apa yang pelajar lakukan berkenaan pembelajaran dan mengapa mereka melakukannya.

Menurut Biggs (1987), pendekatan pembelajaran merupakan gabungan niat bersama strategi yang sesuai yang dipilih oleh pelajar untuk memperolehi maklumat yang berlainan dan menyesuaikan diri dalam situasi pembelajaran yang berlainan. Pendekatan pembelajaran pada umumnya digambarkan dalam model dua kategori, iaitu pendekatan mendalam dan pendekatan luaran (Marton dan Saljo, 1976).

Perbezaan asas adalah antara pendekatan pembelajaran secara mendalam adalah di mana pelajar mensasarkan ke arah pemahaman. Manakala pendekatan pembelajaran secara luaran, di mana mereka berhasrat untuk menghasilkan bahan dalam ujian atau peperiksaan dan bukannya benar-benar memahami (Warren, 2004).

Maka, pembelajaran adalah berlainan mengikut permintaan yang berbeza dalam bidang yang berlainan (Zeegers, 2001) dan kandungan mata pelajaran.

### **1.10.2.1 Pendekatan secara Mendalam**

Menurut Biggs (1987), seseorang pelajar yang mengamalkan pendekatan secara mendalam berminat dalam tugas akademik dan menikmati proses melakukannya. Pelajar akan berusaha mencari maksud yang terkandung dalam tugas itu, menjadikan tugas itu bermakna untuk pengalaman sendiri dan dalam keadaan situasi sebenar. Dia akan menyepadukan bahagian atau aspek tugas kepada satu yang lengkap (contohnya mengaitkan bukti dengan kesimpulan), menghubungkan dapatan dengan pengetahuan yang lepas dan cuba membina teori sendiri daripada tugas, atau membentuk hipotesis sendiri.

Pembelajaran secara mendalam adalah memahami idea utama dalam petikan dengan jelas (Marton & Saljo, 1976). Pembelajaran secara mendalam merujuk kepada pemahaman yang jelas yang bukan terhad kepada luaran sahaja. Pembelajaran ini merujuk kepada jenis pembelajaran yang melibatkan penginterpretasian konsep yang betul semasa menjawab soalan peperiksaan dan ketika sesi kuliah bagi menjana pemikiran kritis dan kreatif di kalangan pelajar.

Selain itu, Mohd Noor (2003) menyatakan bahawa pelajar cenderung memilih isi-isi penting daripada teks atau pembelajaran berorientasikan makna. Pendekatan secara mendalam ini juga melibatkan pemantauan pembangunan pemahaman sendiri (Entwistle, McCune & Walker, 2000). Hal ini disokong oleh Kirby et al. (2003) dengan menjelaskan bahawa pembelajaran secara mendalam akan membawa kepada beban kerja yang ringan, kebebasan akademik yang tinggi, dan pengajaran yang baik.

### **1.10.2.2 Pendekatan Luaran secara Tidak Teratur**

Kirby et al. (2003), menjelaskan pendekatan secara luaran yang tidak teratur adalah campuran item pendekatan luaran di mana kebanyakan daripadanya adalah item bukan-akademik, dan digambarkan individu itu sangat keliru atau ditenggelami dengan bebanan permintaan tugas. Sebagai contoh, ‘Apabila saya mulakan pembelajaran dan terdapat perkara yang tidak diinginkan berlaku saya cenderung untuk panik’.

Selain itu, pendekatan luaran secara tidak teratur berlaku apabila pelajar berorientasikan hafalan dan bertujuan untuk mengeluarkan semula teks hasil dari pembacaan (Mohd Noor, 2003). Malah, seseorang pelajar yang mengamalkan pendekatan luaran tidak teratur melihat tugas sebagai syarat yang perlu dipenuhi dengan melihat bahagian atau aspek tugas sebagai sesuatu yang tersendiri dan tidak ada kaitan antara satu sama lain atau dengan tugas yang lain. Individu juga berasa bimbang terhadap masa yang digunakan untuk tugas dan mengelakkan diri daripada memahami makna tersirat yang disampaikan melalui tugas untuk mengelakkan daripada gagal. Maka, hanya bergantung pada menghafalan, dan cuba untuk menghasilkan tugas yang membawa maksud luaran sahaja (Biggs, 1987).

### **1.10.2.3 Pendekatan Luaran secara Rasional**

Kirby et al. (2003), menyatakan pendekatan luaran yang rasional mengandungi item luaran di mana terdapat campuran dengan beberapa item pendekatan secara mendalam dan pendekatan secara capaian/strategik. Maka ianya digelar rasional, iaitu pendekatan secara langkah demi langkah dengan menekankan kepada hafalan maklumat penting. Contohnya, ‘Apabila saya belajar sesuatu yang baru di kelas, saya akan memberi sepenuh usaha dalam menghafal fakta yang penting’.

### **1.10.3 Efikasi Kendiri**

Efikasi kendiri merujuk kepada penilaian kemampuan untuk menetapkan dan melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi mencapai jenis prestasi yang ditetapkan (Bandura, 1986). Dalam pandangan sosial kognitif, efikasi kendiri bukan sifat kesatuan atau global, seperti harga diri (iaitu, perasaan umum dari harga diri), sebaliknya, efikasi kendiri difahami sebagai set dinamik kepercayaan diri yang berkaitan dengan domain dan aktiviti prestasi tertentu.

Klobas, Renzi & Nigrelli (2007) menerangkan teori efikasi diri menunjukkan bahawa kepercayaan seseorang dalam keupayaan mereka untuk belajar akan mempengaruhi penyertaan mereka dalam pembelajaran.

Andi Audrayanah (2007) mendefinisikan efikasi kendiri sebagai pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Ia juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkah lakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan jayanya.

## **1.11 Definisi Operasional**

### **1.11.1 Pendekatan Pengajaran**

Merujuk kepada cara bagaimana pensyarah UTM menyampaikan pengajaran semasa dalam proses mengajar di mana terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pengajaran berpusatkan pelajar dan pengajaran berpusatkan pengajar. Secara ringkas, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran

seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut iaitu pengajar, pelajar, kandungan, kaedah, tujuan, hasil (perubahan yang kekal secara relatif) dan penilaian.

#### **1.11.1.1 Pengajaran berpusatkan pelajar**

Merujuk kepada bagaimana pensyarah UTM menggunakan pendekatan yang lebih kepada membantu iaitu fasilitator. Individu ini membuat komunikasi dua hala dengan individu yang lain dalam perkongsian pemikiran dan pengalaman untuk memberi kefahaman.

#### **1.11.1.2 Pengajaran berpusatkan pengajar**

Merujuk kepada bagaimana pensyarah UTM menggunakan pendekatan yang lebih mendominasi dalam penyampaian iaitu sebagai penghantar pengetahuan di mana komunikasi hanya berlaku secara sehalu. Tiada perkongsian pemikiran dan pengalaman berlaku untuk memberi kefahaman kepada penerima.

#### **1.11.2 Pendekatan Pembelajaran**

Pendekatan pembelajaran merujuk kepada cara bagaimana seseorang pelajar pascasiswazah itu mendekati serta memahami proses pembelajaran dan menggunakan maklumat yang mereka perolehi untuk berfikir dengan lebih kreatif dan teratur. Kajian ini menggunakan dimensi pendekatan pembelajaran oleh Kirby et al. (2003) yang mengkategorikan pendekatan kepada tiga dimensi iaitu pendekatan secara mendalam, pendekatan luaran secara rasional dan pendekatan luaran tidak teratur.

### **1.11.2.1 Pendekatan secara Mendalam**

Merujuk kepada bagaimana seorang pelajar pascasiswazah itu menggunakan pendekatan integratif yang memimpin kepada pemahaman secara personal. Individu lebih cenderung memahami idea yang mengelirukan untuk menguji tahap pemikiran yang kritis. Sebagai contoh, berusaha untuk mengaitkan idea-idea baru ke dalam situasi-situasi yang mungkin bersesuaian.

### **1.11.2.2 Pendekatan Luaran secara Tidak Teratur**

Merujuk kepada bagaimana seorang pelajar pascasiswazah itu menggunakan pendekatan yang lebih kepada sikap terburu-buru tanpa melihat apa yang akan terjadi kepada hasilnya. Individu ini membuat keputusan dalam keadaan yang tidak teratur dan tidak berminat kepada idea-idea serta penjelasan fakta yang panjang dan rumit serta bergantung kepada teknik berbentuk hafalan.

### **1.11.2.3 Pendekatan Luaran secara Rasional**

Merujuk kepada bagaimana seorang pelajar pascasiswazah itu menggunakan pendekatan yang lebih berbentuk logik, di mana individu lebih mudah mengingat fakta dan susunan yang perlu diikuti semasa menyiapkan tugas. Pelajar merasa lebih selesa jika terdapat penjelasan fakta dan aturan yang perlu dipatuhi sebelum melakukan tugas dalam proses pembelajaran.

### **1.11.3 Efikasi Kendiri**

Merujuk kepada bagaimana pelajar pascasiswazah melihat kepercayaan pada diri samada mampu menghadapi kesukaran dalam menjalankan tugas yang diberi dalam menguji keupayaan individu untuk mencapai tahap yang diberikan. Efikasi sendiri individu mampu mempengaruhi penggunaan pendekatan pembelajaran apabila efikasi sendiri di tahap yang tinggi.

## **1.12 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan aspek latar belakang, pernyataan masalah, persoalan, objektif, skop, kepentingan, batasan kajian dan diikuti dengan definisi konseptual dan operasional. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penggunaan pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah yang dipengaruhi oleh pendekatan pengajaran pensyarah di UTM serta kesan efikasi sendiri dalam hubungan antara pendekatan pengajaran dan pendekatan pembelajaran. Responden kajian ini terdiri daripada staf akademik dan pelajar sarjana di UTM Johor Bahru.

Dimensi pendekatan pengajaran pensyarah yang dikaji terdiri daripada pengajaran berpusatkan pengajar dan pengajaran berpusatkan pelajar. Manakala dimensi untuk mengukur pendekatan pembelajaran pelajar pascasiswazah adalah pendekatan mendalam, pendekatan luaran secara rasional dan pendekatan luaran tidak teratur. Efikasi sendiri pula digunakan sebagai moderator dalam hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abd Rahim A. R. (2002). Agenda perubahan pendidikan sains sosial dalam mengharungi alaf baru. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). Pengajaran dan pembelajaran sains sosial: teori dan amalan, hlm. 1-21. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abu Bakar, Z., Yahaya, N., Nordin, M. S. dan Muhammad Nor, N. H. (2010). Pendekatan pengajaran guru dalam proses pembelajaran kelas. JPPG 2010 Conference Proceedings.
- Aguinis, H. (2004). Regression Analysis for Categorical Moderators. New York: Guilford Press.
- Akerlind, G.S. (2003). Growing and developing as a university teacher – variation in meaning. *Studies in Higher Education*, 28, 375-390.
- Akerlind, G.S. (2004). A new dimension to understanding university teaching. *Teaching in Higher Education*, 9, 363-376.
- Akerlind, G.S. (2011). Separating the ‘teaching’ from the ‘academic’: possible unintended consequences. *Teaching in Higher Education*, 16 (2), 183-195.
- Andi Audrayanah, M. N. (2007).
- Andreou, E., Vlachos, F., & Andreou, G. (2007). Approaches to studying among Greek university students: the impact of gender, age, academic discipline and handedness. *Educational Research*, 48:3, 301-311.
- Aramburu, N., Saenz, J., Rivera, O. (2006). Fostering innovation and knowledge creation: the role of management context. *Journal of Knowledge management*, 10(3), 157-168.
- Artelt, C., Baumert, J., Julius-McElvany, N., and Peschar, J. (2000). Learners for life: student approaches to learning. OECD. Organisation for Economic Cooperation and Development, results from PISA 2000.
- Atherton, J. S. (n.d.). Learning and Teaching; Assimilation and Accommodation. Retrieved July 30, 2012, from <http://www.learningandteaching.info/learning/assimacc.htm>
- Atherton, J. (2009). Learning and teaching; Piaget's developmental theory. Retrieved November 28, 2012 from <http://www.learningandteaching.info/learning/piaget.htm>.
- Ausubel, D. P. (1968). dlm. Case, J. M. (2003). Approaches to learning in a second year chemical engineering course. *International Journal of Science Education*. 25(7). 801-819.



- Ayele, D., Schippers, K. and Ramos, M. A. (2007). Student Centred Teaching and Learning Experience from the external world. *Ethiop. J. Educ. & Sc.* Vol. 2 No.2.
- Babbie, E. R. (2002). *The Basics of Social Research*. Belmont, Calif.: Wardsworth/Thomson Learning.
- Babbie, E. R. (2007). *The Practice of Social Research*. Belmont, California: Wardsworth/Thomson Learning.
- Baeten, M., Dochy, F., & Struyven, K. (2008). Students' approaches to learning and assessment preferences in a portfolio-based learning environment. *Instructional Science*, 36, 359–374.
- Baeten, M., Struyven, K., & Dochy, F. (2009). Student teachers' approaches to learning in relation to their motivation and their perceived competence. Paper presented at the conference of the International Study Association on Teachers and Teaching, Rovaniemi, Finland.
- Baeten, M., Kyndt, E., Struyven, K., & Dochy, F. (2010). Using student-centred learning environments to stimulate deep approaches to learning: Factors encouraging or discouraging their effectiveness. *Educational Research Review* 5; 243–260.
- Bailey, J. G. (1999). Academics' motivation and self-efficacy for teaching and research. *Higher Education Research and Development*, 18 (3), 343–359.
- Bandalos, D. L., Finney, S. J., & Geske, J. A. (2003). A model of statistics performance based on achievement goal theory. *Journal of Educational Psychology*, 95, 604-616.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Reviews*, 84(2), 191-215.
- Bandura, A., & Adams, N. E. (1977). Analysis of self-efficacy theory of behavioral change. *Cognitive Therapy and Research*, 1(4), 287–310.
- Bandura, A. (1995). Exercise of personal and collective efficacy in changing societies. In A. Bandura (Ed.), *Self-efficacy in changing societies* (pp. 1–45). Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: Freeman.
- Bandura, A. (1999). Guide for constructing self-efficacy scales. Unpublished manuscript. Stanford, CA: Stanford University, Department of Psychology.
- Bandura, A. (2001). Guide for Constructing Self-Efficacy Scales (revised), Retrieved 9 May 2012, from <http://www.emory.edu/EDUCATION/mfp/Bandura/>
- Banta, T., Black, K., and Kline, K. (2001). Assessing the effectiveness of problem-based learning. *Assessment Update*, 13(1), 3-11.

- Barrows, H. S. (2002). Is it Truly Possible to Have Such a Thing as dPBL? *Distance Education*, 23(1), 119-122.
- Ben-Jacob, M.G., Levin, D.S., Ben-Jacob, T.K. The learning environment of the 21st century, *Educational Technology Review* 13 (1), 2000, pp. 8–12.
- Bloom, B. S. (1969). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals (Vol. Handbook I, Cognitive Domain)*. London: Longman.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2001). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Berberoglu, G. dan Hei, L. M. (2003). A Comparison of University Students' Approaches to Learning Across Taiwan and Turkey. *International Journal of Testing*. 3(2). 173-187.
- Biggs, J. B. dan Kirby, J. R. (1984). dlm. Jones, C. (2002). Biggs's 3P Model of Learning: The Role of Personal Characteristics and Environmental Influences on Approaches to Learning. Griffith University: Ph. D. Thesis.
- Biggs, J.B. (1985). The role of metalearning in study processes. *British Journal of Educational Psychology*, 55, 185-212.
- Biggs, J. B. (1985). dlm. Jones, C. (2002). Biggs's 3P Model of Learning: The Role of Personal Characteristics and Environmental Influences on Approaches to Learning. Griffith University: Ph. D. Thesis.
- Biggs, J. (1987). *Student Approaches to Learning and Studying*. Melbourne: Australian Council for Educational Research.
- Biggs, J. B. (1989). dlm. Campbell, J. et al. (2001). Students' Perceptions of Teaching and Learning: the influence of students' approaches to learning and teachers' approaches to teaching. *Teachers and Teaching: theory and practice*. 7(2). 173-187.
- Biggs, J.B. & Watkins, D.A. (Eds.) (1993). *Learning and teaching in Hong Kong: What it is and what it might be*. University of Hong Kong: Education Papers No. 17.
- Biggs, J. B. (1999). *Teaching for Quality Learning at University*. Buckingham: Open University Press.
- Biggs, J. (2001), "Assessing for Quality in Learning," in *Assessment to Promote Deep Learning: Insight from AAHE's 2000 and 1999 Assessment Conferences*, ed. L. Suskie, American Association for Higher Education, pp. 65-68.
- Biggs, J. (2003). *Teaching for Quality Learning at University: What the Student Does*. Society for Research into Higher Education (SRHE) and Open University Press: Buckingham.

- Byrne, M & Flood, B (2008). 'Examining the relationships among background variables and academic performance of first year accounting students at an Irish University', *Journal of Accounting Education*, vol. 26, no. 4, pp. 202-12.
- Callan, J. and Si, L. (2003.). A semi-supervised learning method to merge search engine results.s *ACM Transactions on Information Systems*, 24(4) (pp. 457-491). ACM.
- Cavallo, A.M.L., Potter, W.H., & Rozman, M. (2004). Gender differences in learning constructs, shifts in learning constructs, and their relationship to course achievement in a structured inquiry, yearlong college physics course for life science majors. *School Science & Mathematics*, 104(6), 288-300.
- Chan, Y.K.R. (2010). The relationship between gender, age, study mode, locus of control, extracurricular activities, learning approaches and academic achievement: the case of full-time and part-time Hong Kong Chinese sub-degree students. *School of Education Research Working Paper 2010*. University of Leicester.
- Charalambous, C. Y. & Philippou, G. N. (2010). Teachers' concerns and efficacy beliefs about implementing a mathematics curriculum reform: integrating two lines of inquiry. *Education Studies Mathematics*, 75:1–21.
- Chemers, M. M., Garcia, B. F., & Hu, L.-t. (2001). Academic self-efficacy and first-year college student performance and adjustment. *Journal of Educational Psychology*, 93(1), 55-64.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Buku 1*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Buku 2*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chyun, L. T. (2007). Hubungan Antara Pendekatan Pengajaran Guru Dengan Pendekatan Pembelajaran Pelajar Mata Pelajaran Kimia Tingkatan Empat.
- Cleveland, G. (2006). Using problem-based learning in police training. *The Police Chief*, 73(11).
- Coffey, M., & Gibbs, G. (2002). Measuring teachers' repertoire of teaching methods. *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 27, 383–390.
- Coffield, F., Moseley, D., Hall, E. and Ecclestone, K. (2004) *Learning Styles and Pedagogy in post-16 learning: a systematic and critical review*. London: Learning and Skills Research Centre.
- Coffield, F., Moseley, D., Hall, E. and Ecclestone, K. (2004) *Should we be using Learning Styles? What research has to say to practice*. London: Learning and Skills Research Centre.

- Colliver, J.A. (2000). Effectiveness of problem-based learning curricula: research and theory, *Academic Medicine*, 75, pp. 259–266.
- Conti, G. J. (1985). The Relationship Between Teaching Style and Adult Learning. *Adult Education Quarterly*, 34 (4), 220-228.
- Conti, G. J. (1985). Assessing teaching style in adult education: how and why. *Lifelong learning*, 8(8), 7-13.
- Conti, G. J. (1989). Assessing teaching style in continuing education: how and why. In Elisabeth Hayes (Ed) *Effective Learning Style* (pp.3-16). CA. San Fransisco: Josey-Bass Inc., Publishers.
- Conti, G. J. (2004). Identifying your teaching style. In Michael W. Galbraith (Ed.) *adult learning methods*, pp. 75-91. Florida, Malabar: Kreiger Publishing Company.
- Cooper, D. R. and Schindler, P. S. (2006). *Marketing Research*. New York: McGraw-Hill.
- Cope, C., & Staehr, L. (2005). Improving students' learning approaches through intervention in an information systems learning environment. *Studies in Higher Education*, 30 (2), 181–197.
- Crawford, K., Gordon, S., Nicholas, J., & Prosser, M. (1998). Qualitatively different experiences of learning mathematics at university. *Learning and Instruction*, 8 (5), 455–468.
- Cross, K.P. (1981). *Adults as Learners*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Dacre, J. E., and Fox, R. A. (2000). How should we be teaching our undergraduates? *Ann Rheum Dis* 2000; 59:662–667.
- Dart, B. & Boulton-Lewis, G. (1998). *Teaching and Learning in Higher Education*. Melbourne: Australian Council for Educational Research.
- Deborah, J. B. (2006). *Community: The Hidden Context for Learning*; in *Learning Spaces*.
- DeTure, M. (2004). Cognitive style and self-efficacy: Predicting student success in online distance education. *The American Journal of Distance Education*, 18 (1), 21-38.
- Dickie, C. and Jay, L. (2010). Innovation in postgraduate teaching: mixed methods to enhance learning and learning about learning. *Higher Education Research & Development* Vol. 29, No. 1, February 2010, 29–43.
- Diseth, A., Pallesen, S., Hovland, A. & Larsen, S. (2003), Course experience, approaches to learning and academic achievement, *Emerald Education + Training*, Vol. 48 No. 2/3, 2006, pp. 156-169.

- Diseth, A., Pallesen, S., Hoveland, A., Larsen, S. (2006). "Course experience, approaches to learning and academic achievement", *Education + Training*, Vol. 48 Iss: 2/3, pp.156 – 169.
- Diseth, A (2007). Approaches to learning, course experience and examination grade among undergraduate psychology students: testing of mediator effects and construct validity. *Studies in Higher Education*, 32 (3), 373-388.
- Diseth, A (2007). Students' evaluation of teaching, approaches to learning, and academic achievement. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 51(2), 185-204.
- Dixon, N. M. (1994). *The organizational learning cycle: how we can learn collectively*. Gower Publishing, Ltd.
- Driessen, E. and van Der Vleuten, C. (2000). Matching student assessment to problem-based learning: Lessons from experience in a law faculty. *Studies in Continuing Education*, 22(2), 235-248.
- Docherty, C., Hoy, D., Topp, H., and Trinder, K. (2005), "eLearning techniques supporting problem based learning in clinical simulation", *International Journal of Medical Informatics*, 74(7/8), 527-533.
- Duff, A, Boyle, E, Dunleavy, K, Ferguson, J. (2004). The relationship between personality, approach to learning and academic performance. *Personalities and individual differences*, Vol. 36 pp.1907–1920.
- Dunkin, M. J. & Biddle, B. J. (1974). *The study of teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Dunn, R., Griggs, S. A., Olson, J., Beasley, M., & Gorman, B. S. (1995). Ameta-analytic validation of the Dunn and Dunn model of learning-stylepreferences. *The Journal of Educational Research*, 88, 353 –362.
- Dupin-Bryant, P. A. (2004). Teaching Styles of Interactive Television Instructors: A Descriptive Study. *The American Journal of Distance Education*, 18(1), 39-50.
- Dyer, C. (2006). *Research in Psychology: A Practical Guide to Methods and Statistics*. Oxford, UK: Blackwell Publishing.
- Dykstra, D. V., Moen, D., Davies, T. (2010). Comparing student and faculty- perceptions related to academic freedom protection. *Research in Higher Education Journal*, pp.1-12.
- Edmunds, R. and Richardson, J. T. E. (2009). Conceptions of learning, approaches to studying and personal development in UK higher education. *British Journal of Educational Psychology*. 79. 295-309.
- Eley, M. (1992). Differential adoption of study approaches within individual students. *Higher Education*, 23(3), 231–254.

- Elias, S. M., & Loomis, R. J. (2000). Using an academic self-efficacy scale to address university major persistence. *Journal of College Student Development*(41), 4.
- Elizondo-Montemayor, L. (2004). Formative and summative assessment of the problem based learning tutorial session using criterion-referenced system, *JIAMSE*, 14, 8-14.
- Entwistle, N. 1981, *Styles of Learning and Teaching* John Wiley & Sons, Chichester.
- Entwistle, N. J., & Ramsden, P. (1983). *Understanding Student Learning* (London Croom Helm).
- Entwistle, N. J., & Tait, H. (1990). Approaches to learning, evaluations of teaching, and preferences for contrasting academic environments. *Higher Education*, 19, 169–194.
- Entwistle, N. (2000). Promoting deep learning through teaching and assessment: conceptual frameworks and educational contexts. Paper presented at the TLRP Conference, Leicester.
- Entwistle, N., Skinner, D., Entwistle, D., & Orr, S. (2000). Conceptions and beliefs about "good teaching": An integration of contrasting research areas. *Higher Education Research & Development*, 19, 5-26.
- Entwistle, N.J., McCune, V. and Walker, P. (2001), "Conceptions, styles and approaches within higher education: analytical abstractions and everyday experiences", in Sternberg, R.J. and Zhang, L.F. (Eds), *Perspectives on Thinking, Learning and Cognitive Styles*, Lawrence Erlbaum Associates, London.
- Entwistle, N.J. & McCune, V. (2004). The conceptual bases of study strategy inventories. *Educational Psychology Review* , 16(4), 325-345.
- Evans, C. J., Kirby, J. R., & Fabrigar, L. R. (2003). Approaches to learning, need for cognition, and strategic flexibility among university students. *British Journal of Educational Psychology*, 73, pp.507–528.
- Felder, R. M. & Brent, R. (1996). Navigating the bumpy road to student -centered instruction. *College Teaching*, Vol.44 (2):43-47.
- Felder, R., & Brent, R. (2005). Understanding Student Differences. *Journal of Engineering Education*, 94(1), 57-72.
- Felder, R. (2010, April 18). Student-centered teaching and learning. Retrieved April 18, 2010, from <http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/Student-Centered.html>
- Fencl, H. S. and Scheel, K. R. (2003). Pedagogical approaches, contextual variables, and the development of student self-efficacy in undergraduate physics courses. *Physics Education Research Conference*, 173-176.

- Fernandez-Chung, R. M. (2009). Peer Observation As A Mechanism To Identify And Promote Quality Teaching In Higher Education. What Works Conference on Quality of teaching in higher education, 12-13 October 2009 Istanbul Technical University (ITU), Istanbul, Turkey, pp.1-10.
- Filak, V. F. and Sheldon, K. M. Student Psychological Needs Satisfaction and College Teacher-Course Evaluations. *Educational Psychology*, Vol. 23, No. 3, 235-247.
